

## inovasi

# Produk Dr Fur melebat, mencantikkan bulu kucing

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**ejak kebelakangan ini semakin ramai pencinta haiwan peliharaan seperti kucing berdepan masalah apabila bulu 'si Manja' mereka berguguran apabila disentuh malahan melekat pada pakaian dan sekitar tempat tinggal serta di dalam rumah.

Bukan itu sahaja, masalah itu turut menghalang peminat kucing yang agak sensitif atau 'alah' kepada bulu untuk bermain dengan kucing mereka.

Situasi itu mendorong penyelidik **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Dr Nina Suhaily Azmi dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) menghasilkan produk penyelidikan serum bagi binatang peliharaan yang dikenali dengan nama Dr Fur.

Katanya, produk Dr Fur membantu untuk menggalakkan keguguran bulu dan menggalakkan pertumbuhan bulu bagi haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing.

"Produk inovasi ini diformulasikan dengan bahan aktif khas dinamakan Glycosaminoglycans (GAGs)



diekstrak daripada sumber marin yang mudah untuk didapati serta jaminan status halal produk memandangkan kebanyakan GAGs yang terdapat di pasaran adalah dari sumber yang tidak dapat dijamin status halalnya.

"Idea kajian ini bermula untuk mencari sumber alternatif bagi GAGs halal pada 2013 dan berjaya disiapkan pada 2017 dengan formulasi serum bulu ini," katanya.

#### Potensi Pasrah

Hasil kajian turut mendapati kos pengekstrakan bahan

marin adalah rendah tetapi dapat menghasilkan GAGs yang tinggi dan berkualiti.

Berdasarkan ujian makmal yang dijalankan pula menunjukkan potensi produk yang tinggi bagi tujuan disasarkan iaitu menggalakkan keguguran bulu dan menggalakkan pertumbuhannya.

Nina Suhaily berkata, terdapat tiga fasa utama dalam pertumbuhan rambut dan bulu iaitu fasa pertumbuhan aktif (Anagen), fasa peralihan (Catagen) dan fasa rehat (Telogen).

"Serum bulu dibangun-

kan UMP ini mempunyai mukopolisakarida yang berfungsi untuk membantu fasa anagen dan catagen secara terus bagi menggalakkan pertumbuhan bulu.

"Produk Dr Fur yang dihasilkan ini sudah diuji keberkesanannya untuk mengatasi masalah keguguran bulu haiwan peliharaan yang menjadi kerisauan pemilik haiwan peliharaan," katanya.

Beliu berkata, kos penghasilan yang murah membolehkan produk dipasarkan pada harga kompetitif ber-

banding produk lain yang diimport.

#### Bukan katuloway

Penghasilan produk itu turut mendapat kerjasama dengan rakan kolaborasi UMP, Zastech PLT iaitu sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah program kebawahawanan tekno Symbiosis.

Symbiosis adalah program di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Kini, Zastech PLT sudah menerima Dana Pengkomersialan Hasil Penyelidikan dan

## info

### Dr Fur

► Fasa anagen adalah ketika protein masuk ke dalam akar rambut dan mengumpulkan sel-sel yang membentuk rambut  
► Fasa catagen adalah ketika proses pertumbuhan rambut berhenti

**Nina Suhaily (dua dari kanan)** dan penyelidik lain yang menghasilkan produk Dr Fur.

Pembangunan (CRDF) dari pada MTDC untuk mengkomersialkan produk serum bulu Dr Fur.

Produk inovasi itu berjaya menerima pengiktirafan antarabangsa apabila memenangi pingat dan anugerah khas dalam pertandingan penyelidikan pada peringkat nasional dan antarabangsa Seoul International Invention Fair (SIIF) 2015, International Invention, Innovation & Technology Exposition (ITEX) 2015 dan Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CTREX) UMP.